

KUALA LUMPUR, 25 NOV (BERNAMA) — MURID-MURID KELAS PERALIHAN
AKAN MENERIMA PELAJARAN PERCUMA MULAI TAHUN DEPAN KERANA MEKKA
DIANGGAP TERGOLONG DALAM SISTEM PELAJARAN ALIRAN KEBANGSAAN.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA INI ADALAH SEJAJAR
DENGAN DASAR PELAJARAN PERCUMA YANG ADA SEKARANG UNTUK SEKOLAH-
SEKOLAH KEBANGSAAN.

RAMALAN INI AKAN DILANJUTKAN KEPADA SEMUA MURID TINGKATAN SATU
DAN DUA KEBANGSAAN INGGERIS DALAM TAHUN 1976, KATANYA KETIKA MERESMI-
KAN PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN NEGERI YANG KE 49
DI SINI HARI INI.

KATANYA TINDAKAN INI AKAN DITERUSKAN MENGIKUT PELAKSANAAN PER-
ALIHAN SMK (INGGERIS) YANG ADA SEKARANG KEPADA SMK, SUPAYA MENJELANG
TAHUN 1982, TIAP-TIAP MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
TIDAK PAYAH MEMBAYAR YURAN SEKOLAH.

OLEH KERANA BAHASA MALAYSIA AKAN DIGUNAKAN SEBAGAI BAHASA
PENGANTAR DI SEMUA KELAS PERALIHAN MULAI TAHUN DEPAN, SATU SUKATAN
PELAJARAN BARU UNTUK KELAS TERSEBUT TELAH DISEDIAKAN.

IA BERTUJUAN UNTUK MEMBOLEHKAN MURID-MURID ITU MEMPELAJARI
BAHASA MALAYSIA SECARA BERKESAN DAN MENDAPAT PENGETAHUAN ASAS
MENDALAM BAHASA. — BERSAMBUNG 1501/AI

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DENGAN INI MEKKA TIDAK AKAN KETINGGALAN APABILA MELANJUTKAN
PELAJARAN DI KELAS-KELAS MENENGAH PADA TAHUN 1976.

DAN UCAPANNYA JUGA, DR. MAHATHIR TELAH MENYENTUH TENTANG
PELAKSANAAN GURU-GURU BARU, PENUKARAN GURU, TUNJUK PERASAAN PELAJAR
DAN PERDUKUNAN MEMORAKKAN HARTA BENDA SEKOLAH.

MENYENTUH TENTANG PENEMPATAN GURU-GURU BARU, BELIAU BERKATA
SATU KAJIAN MENYELURUH TELAH DIJALANKAN AWAL TAHUN INI BAGI
MENENTUKAN KEDUDUKAN GURU-GURU TERLATIH DI TIAP-TIAP NEGERI.

PENEMPATAN INI DILAKUKAN BERDASARKAN KEPADA KEPERLUAN GURU
TIAP-TIAP NEGERI.

PADA AKHIR TAHUN INI, SERAMAI 3,745 GURU BARU AKAN KELUAR DARI
UNIVERSITI DAN MAKTAB LATIHAN PERGURUAN.

DARI BILANGAN INI SERAMAI 1,252 ORANG TIDAK GURU SISWAZAH,
1,051 GURU SEKOLAH MENENGAH RENDAH, 963 GURU SEKOLAH RENDAH, 71
ORANG SEKOLAH VOKESYENAL DAN TEKNIK, 17 ORANG GURU DALAM MATA
PELAJARAN PERDAGANGAN DAN 391 GURU BAHASA MALAYSIA UNTUK SEKOLAH
MENENGAH. — BERSAMBUNG 1506/AI

558:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KAJIAN TERSEBUT DAPAT MENYESUAIKAN PENEMPATAN GURU-GURU SUPAYA NEGERI-NEGERI YANG SERBA KEKURANGAN AKAN MENDAPAT FAEDAH DARI NEGERI-NEGERI YANG SERBA BERADA.

BELIAU BERHARAP DENGAN CARA INI MASALAH AGIHAN GURU-GURU YANG KURANG SEIMBANG ANTARA NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA SEKARANG DAPAT DIATASI SECARA BERANSUR-ANSUR.

MENYENTUH PENUKARAN GURU-GURU, DR. MAHATHIR BERKATA SEBANYAK 1,000 PENUKARAN UNTUK NEGERI TELAH DILULUSKAN OLEH KEMENTERIANNYA DAN BANYAK LAGI PENUKARAN DALAM NEGERI AKAN DIKUATKUASAKAN OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI SEBELUM AKHIR TAHUN INI.

BELIAU BERHARAP RANCANGAN PENUKARAN INI DIJALANKAN DENGAN BERDASARKAN KEPADA SISTEM AGIHAN GURU SECARA SEIMBANG ANTARA KAWASAN LUARBANDAR DENGAN BANDAR DAN ANTARA NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

KATANYA PERISTIWA TUNJUK PERASAAN-OLEH MURID-MURID DIPANDANG BERAT OLEH KERAJAAN.

BELIAU INGIN SUPAYA PERKARA INI DIBINCANGKAN DENGAN TELITI DAN MENCADANGKAN BEBERAPA LANGKAH YANG PATUT DIAMBIL UNTUK MENGELAKKAN PERBUATAN MENGANGGU PERASAAN MURID-MURID. — BERSAMBUNG 1510/AI

569:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

180

MEREKA JUGA PERLU MERUMUSKAN LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENGATASI PERBUATAN MEROSAKKAN HARTA BENDA SEKOLAH SELEPAS PEPE-RIKSAAN.

KATANYA, PERBUATAN INI MEMBUKTIKAN UJUD KEADAAN TIDAK SIHAT DIKALANGAN MURID-MURID.

DALAM HAL INI, BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN BERUSAHA MENGADAKAN SATU JENTERA BERKESAN UNTUK MEMBOLEHKAN PERHUBUNGAN DUA HALA SUPAYA MEMBERI PENERANGAN ATAU AJARAN DISAMPING MENDAPAT TIMBANG BALAS.

PENERANGAN ATAU ARAHAN ITU HENDAKLAH JELAS DAN TEPAT TANPA KEKELIRUAN ATAU KEKABURAN DAN DISERTAI DENGAN PERASAAN SIMPATI DAN SALING MENGETI.

BELIAU JUGA MENGESYURKAN SUPAYA SEKOLAH-SEKOLAH BESAR YANG MEMPUNYAI KEDUDUKAN KEWANGAN YANG BAIK MEMILIH SEKOLAH-SEKOLAH KECIL DI LUARBANDAR SEBAGAI SEKOLAH PEMELIHARAANNYA. — BERNAMA 1514/AI